

SAMBAR UBAN HITAM
Black-naped Monarch

FAMILI: Monarachidae
NAMA SAINTIFIK: *Hypothymis azurea*



CIRI-CIRI

Bagi burung dewasa, warna badan adalah berwarna biru dengan terdapat jalu-jalur hitam yang kecil merentasi bahagian atas dada manakala bahagian perut dan bawah tongkeng adalah berwarna putih. Bahagian dahi dan bawah paruh adalah berwarna hitam. Bagi sub-spesies *H.a.tytleri* (Pulau Coco, selatan Myanmar) dan *prophata* (Semenanjung Malaysia, Singapura), warna biru di bahagian badan adalah lebih gelap denagn warna putih di bahagian bawah tongkeng adalah agak lusuh. Bagi burung betina, ia adalah seakan-akan burung jantan tetapi warna biru agak pudar, tiada jalu-jalur hitam merentasi bahagian dada, warna bahagian atas badan adalah coklat kekelabuan gelap manakala dada berwarna kekelabuan. *H.a.tytleri* dan *prophata* mempunyai bahagian atas badan berwarna coklat gelap manakala warna biru di badan adalah lebih terang. Lain-lain spesies di Asia Tenggara; *H.a.forrestia* (Archipelago, Tenasserim), *montana* (barat, barat daya, barat laut Thailand), *galerita* (tenggara Thailand). Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 16 sm-17.5 sm.

MAKANAN

Spesies ini memakan serangga kecil dan juga buah-buahan.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai dikawasan hutan dipterokap dan hutan tanah pamah, hutan paya bakau, hutan sekunder, hutan pulau. Ia boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,520 m dari aras laut tetapi di Semenanjung Malaysia ia boleh di jumpai di bawah ketinggian 1,065 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini menghasilkan bunyi yang kuat dan jelas serta satu nada *wii' wii' wii' wii'* dengan kadar 3 nada setiap saat. Kadang-kala burung ini juga mengeluarkan bunyi *shweh-shweh* atau *chew-wi* dan *chit witt'*.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi burung ini adalah dari bulan Mac hingga Ogos pada sepanjang tahun. Sarang adalah berbentuk cawan dan di bina di dahan pokok, semak atau buluh dan ketinggian sarang adalah dari 0.6 m-9 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2-4 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan warna telur adalah krim ke putih kemerahan dengan terdapat tompok-tompok kecil berwarna coklat kemerahan dan kelabu pudar. Anggaran saiz bagi telur adalah 17.4 x 13.3 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelindungi sepenuhnya.